

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS MAKAN MALAM RASMI MERAIKAN TUAN YANG
TERUTAMA ENCIK VO VAN KIET, PENERUSI MAJLIS
MENTERI-MENTERI REPUBLIK SOSIALIS VIETNAM

TEMPAT: SRI PERDANA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 20 JAN 1992

MASA:

Tuan Yang Terutama Encik Vo Van Kiet,
Pengerusi Majlis Menteri-Menteri
Republik Sosialis Vietnam;
Puan Phan Luong Cam;
Dif-dif Kehormat;

Tuan-tuan dan puan-puan,
Dengan rasa penuh gembira saya dan isteri ingin
mengalu-alukan kunjungan Tuan Yang Terutama, Puan Cam dan
ahli-ahli rombongan yang terhormat ke Malaysia. Lawatan
Tuan Yang Terutama ke Kuala Lumpur pada awal tahun lalu
masih lagi segar dalam ingatan saya. Walaupun pada ketika
itu, Tuan Yang Terutama memegang jawatan yang berbeza, namun
kita telah berpeluang mengadakan perbincangan dan juga
sempat bertukar-tukar pendapat yang berguna dan produktif
mengenai perkara-perkara kepentingan bersama. Kunjungan
Tuan Yang Terutama pada kali ini, walaupun singkat, memberi
peluang untuk kita sekali lagi memperbaharui perkenalan kita
serta mencari jalan untuk mengukuhkan lagi jalinan hubungan
dua hala kita.

2. Dalam perbincangan petang tadi, kita telah bersama-sama
bertukar-tukar pendapat dan mengutarakan buah fikiran yang
bernas dan baru khususnya dalam bidang kerjasama ekonomi dua
hala supaya dapat mewujudkan kerjasama yang lebih dinamik
dan bermakna antara Malaysia dan Vietnam. Saya percaya
masih ada banyak lagi peluang yang belum diterokai
sepenuhnya. Malahan kejayaan-kejayaan yang dicapai setakat
ini merupakan sebahagian kecil sahaja daripada potensi yang
ada. Sebenarnya, masih banyak lagi yang boleh dilakukan dan
kita mestilah mengeksploitasi peluang-peluang ini dengan
sepenuhnya. Masa yang paling tepat untuk kita mencapai
matlamat ini ialah sekarang.

Tuan Yang Terutama,
3. Walaupun kejayaan-kejayaan yang kita capai di dalam
hubungan dua hala agak sederhana, namun kita telah mencapai
beberapa kemajuan yang menggalakkan semenjak tahun-tahun
kebelakangan ini. Buat permulaan langkah-langkah
melonggarkan sekatan-sekatan perjalanan oleh kedua-dua
negara dan hubungan udara antara Kuala Lumpur dengan
Bandaraya Ho Chi Minh dan di masa yang akan datang hubungan

dengan Hanoi, telah dan akan membantu menggalakkan hubungan yang lebih erat di antara rakyat kedua-dua negara. Jalinan hubungan ini telah menyumbang ke arah mempertingkatkan lagi kesedaran dan persefahaman di antara rakyat kedua-dua negara. Saya berasa gembira bahawa lebih ramai rakyat Malaysia kini melawat Vietnam dan ada di kalangan mereka yang telah mengkaji peluang-peluang perniagaan yang terdapat di sana. Ini adalah suatu perkembangan yang menggalakkan. Saya berharap ahli-ahli perniagaan Vietnam juga akan melawat Malaysia untuk meninjau kemungkinan-kemungkinan perniagaan di sini.

4. Dalam usaha Malaysia untuk meluaskan kerjasama dengan Vietnam, kami telah menubuhkan Konsulat di Bandaraya Ho Chi Minh tahun lalu yang merupakan konsulat negara ASEAN yang pertama di Bandaraya itu. Kami juga telah menggalakkan badan-badan Kerajaan dan sektor swasta untuk melibatkan diri dalam peluang-peluang perniagaan yang ditawarkan oleh Vietnam. Perjanjian kontrak pengeluaran bersama yang ditandatangani oleh PETRONAS dan PETROVIETNAM baru-baru ini membuktikan lagi minat dan keyakinan ahli perniagaan Malaysia terhadap Vietnam. Kerajaan Malaysia akan terus memberi galakan kepada usaha-usaha seumpama ini. Adalah diharapkan perjanjian-perjanjian yang akan ditandatangani di masa hadapan akan memberi dorongan yang lebih kuat kepada usaha kerjasama ekonomi di antara Malaysia dengan Vietnam. Dalam hal ini, kita patut meneliti dengan serius lain-lain kemungkinan untuk menggalakkan lagi hubungan perdagangan terus, perkapalan, hubungan udara dan lain-lain bidang hubungan kerjasama ekonomi di antara kedua-dua negara. Malaysia ingin melihat hubungan dua hala dalam berbagai-bagai bidang yang sedang berjalan ataupun yang akan dijalankan berdasarkan kepada asas-asas yang kukuh, saling percaya mempercayai dan setiakawan antara rakyat kedua-dua negara.

5. Kami telah mengikuti dengan penuh minat perkembangan-perkembangan positif yang telah berlaku di Vietnam semenjak pelancaran dasar "Doi Moi" atau "Renovasi" pada hujung tahun 1986. Peralihan kepada ekonomi bebas sememangnya akan menimbulkan kesulitan pada peringkat awal. Meskipun begitu, saya yakin Tuan Yang Terutama akan dapat mengatasi halangan-halangan tersebut dengan jayanya. Malaysia mengalu-alukan dasar "Doi Moi" Vietnam. Sebagai sahabat dan jiran dekat Vietnam dan selaras dengan sokongan kuat kami bagi kerjasama antara negara selatan-selatan, Malaysia sentiasa bersedia untuk bekerjasama rapat dengan Vietnam dalam bidang-bidang yang Malaysia mempunyai pengalaman, kepakaran dan kemampuan.

Tuan Yang Terutama,

6. Lawatan Tuan Yang Terutama ke Malaysia adalah tepat pada masanya, iaitu pada ketika perubahan-perubahan pesat sedang berlaku di arena politik antarabangsa. Kita di rantau ini tidak dapat lari daripada kesan perubahan-perubahan ini. Isu Cambodia yang sangat rumit kini nampaknya akan mencapai penyelesaian. Apabila ini berlaku negara-negara di rantau ini akan dapat menumpukan perhatian

dan sumber kepada usaha-usaha yang lebih konstruktif. Kita menjangkakan Vietnam dan negara-negara Indo-China yang lain mampu untuk mencapai pembangunan yang pesat mulai sekarang. Dengan ini rantau ini akan bertukar menjadi satu kawasan pertumbuhan yang lebih dinamik dan berupaya memainkan peranan yang berkesan dalam ekonomi dunia.

7. Malaysia sangat menghargai kemerdekaannya. Tetapi kemerdekaan tidak seharusnya terbatas kepada arena politik semata-mata. Kemerdekaan juga mestilah merangkumi bidang ekonomi. Namun ini tidak bermakna negara merdeka perlu mengeluarkan segala keperluan negara sendiri. Dalam dunia moden sekarang negara-negara tidak dapat mengelak dari bergantung antara satu sama lain. Tetapi adalah perlu untuk benar-benar merdeka perhubungan ekonomi tidak digunakan untuk tujuan menekan mana-mana negara. Hanya dengan mempunyai ekonomi yang mantap dan mengadakan perhubungan persahabatan dengan negara-negara jiran sahajalah tekanan dapat dielakkan.

Tuan Yang Terutama,

8. Dunia hari ini sedang mengalami perubahan yang besar. Corak kerjasama serantau dan antarabangsa yang baru telah muncul. Walau bagaimanapun, pertelingkahan yang serius dan ketidaksamaan masih wujud dalam perdagangan dan sistem ekonomi antarabangsa. Di samping itu, syarat-syarat baru sedang dikenakan dan ini boleh membantut pertumbuhan negara-negara membangun. Justeru itu, saya percaya kerjasama yang lebih rapat di antara negara-negara ini amat perlu apabila menghadapi cabaran-cabaran yang sama. Negara-negara di rantau ini perlulah menyelaraskan usaha-usaha mereka untuk mengembangkan hubungan ekonomi sesama sendiri. Dalam konteks ini, kami telah mencadangkan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC). Walaupun penjelasan dan jaminan ikhlas telah beberapa kali dibuat bahawa EAEC bukanlah sebuah blok perdagangan, ada pihak-pihak yang masih enggan menerima bahawa EAEC adalah majlis perundingan. Saya ingin menegaskan sekali lagi di sini bahawa EAEC merupakan satu mekanisme perundingan yang akan membolehkan negara-negara di rantau Asia Timur berbincang dan menyelaraskan pendapat-pendapat mereka mengenai hal-hal yang menghalang aliran bebas perdagangan antarabangsa. Ianya bersesuaian dengan GATT dan tidak pernah bertujuan untuk menjadi satu blok perdagangan eksklusif. Kita berasa pasti Vietnam memahaminya dan kita berharap Tuan Yang Terutama akan menyokong forum yang tidak merbahaya ini.

9. Sekali lagi, saya ingin melahirkan rasa gembira kami kerana berpeluang untuk meraikan Tuan Yang Terutama dan Puan Cam serta ahli-ahli rombongan dari Vietnam sebagai tetamu kami. Saya berharap Tuan Yang Terutama dan Puan Cam akan berasa senang sepanjang lawatan ini walaupun program lawatan yang telah disediakan agak padat.